



UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2016

Y.BHG. DATUK HAJI MOHLIS BIN JAAFAR

**KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

“PPPM(PT) : PEMANGKIN PENDIDIKAN TINGGI TVET”

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Khamis, 28 JANUARI 2016

(Pendahuluan)

1. Alhamdulillah, sama-sama kita mengucapkan kesyukuran di atas kesempatan untuk berkumpul dan bertemu dengan rakan-rakan seperjuangan dan warga Politeknik seluruh negara.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dalam perhimpunan pada pagi ini. Kepada mereka yang tidak berkesempatan untuk hadir, pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dengan kerjasama Politeknik Muadzam Shah menyediakan khidmat ‘*streaming* secara *live*’ ke seluruh pelusuk Politeknik di Malaysia bagi menyampaikan Amanat ini.

3. Semoga dapat kita semua dapat membulatkan tekad dan menyatukan azam untuk sama-sama berusaha memartabatkan pendidikan dan latihan di politeknik, demi mengangkat kecemerlangan bakat negara ke tahap yang lebih tinggi lagi. Saya doakan apa yang kita rancang dan laksanakan pada tahun ini akan mendapat keberkatan dan keredhoan Ilahi. Insya Allah.

4. Tahun 2015 yang lalu memperlihatkan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 (PPPM(PT)) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Kedua-dua dokumen PPPM(PT) dan RMKe-11 merupakan rancangan utama negara yang terakhir sebelum kita melangkah ke tahun 2020, iaini tarikh keramat Wawasan 2020.

(Sorotan Pelbagai Pencapaian Politeknik Dalam 2015)

5. Alhamdulillah Tahun 2015 juga tidak menghampakan kita daripada segi pencapaian politeknik dalam acara dan pertandingan sama ada dalam inovasi, akademik dan sukan. Suka saya berkongsi di sini, antara beberapa kejayaan bagi mengiktiraf pelajar, pensyarah dan pegawai yang bertungkus lumus mengharumi nama Politeknik dalam pelbagai pentas untuk meningkatkan ekosistem teknologi dan inovasi Kementerian.

6. Pertama, dalam kejohanan *FIRA Robo World Cup* ke 20 tahun 2015 di Korea Selatan, pasukan Politeknik Malaysia telah memenangi 5 pingat emas, 4 perak dan 6 gangsa. Pencapaian ini melepasi pencapaian tahun 2014 iaitu sebanyak 3 emas, 1 perak dan 2 gangsa.

7. Dalam *The 13th Malaysia Invention & Innovation Awards 2015* (MTE 2015), Politeknik Malaysia meraih 2 pingat emas, 4 perak dan 7 gangsa dalam Kategori *Asian Youth Innovation Awards* dan 5 gangsa dalam Kategori *Invention & Innovation*

Awards. MTE 2015 melibatkan lebih 500 pameran, ciptaan dan inovasi dengan penyertaan universiti, institusi penyelidikan, pencipta individu dan sektor korporat dari negara-negara Asia dan Eropah.

8. Seterusnya, tahniah dan syabas diucapkan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Ibrahim Sultan kerana memperoleh emas dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2015). PECIPTA merupakan pertandingan rekacipta dan inovasi bertaraf antarabangsa yang turut melibatkan penyertaan negara luar seperti Singapura, Australia, Indonesia, Korea, Taiwan dan lain-lain.

9. Dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara, tiga pelajar dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah berjaya meraih tempat ketiga kategori rekacipta pelajar IPT. Anugerah ini telah disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

10. Dalam Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (AIKPT) Tahun 2015, POLISAS pula berjaya mendapat tempat pertama dalam Kategori Inovasi Dalam TVET.

11. Begitu juga dalam pertandingan AutoDesk Malaysia 2015, politeknik menyapu bersih tempat pertama hingga ketiga dalam kategori *Manufacturing (Intermediate)* dimenangi pelajar Politeknik Banting Selangor, dan juga pelajar Politeknik Abdul Halim Muadzam Shah yang mendapat tempat pertama dalam kategori *Architecture (Intermediate)*.

12. Kita juga turut berbangga dengan pencapaian para pensyarah kita yang berjaya mendapat kepercayaan Kementerian untuk menjalankan penyelidikan melalui geran *Public-Private Research Network (PPRN)* sepanjang tahun 2015. Dengan nilai 870,758 Ringgit, jumlah bilangan geran diperolehi Politeknik berada pada kedudukan kelima berbanding universiti awam dan universiti swasta yang lain.

13. Bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2015, kita berjaya mendapat geran sebanyak 222,700 Ringgit melalui dua projek daripada Politeknik Kota Bharu (RM130,800) dan Politeknik Merlimau Melaka (RM91,900).

14. Selain itu, pencapaian pelajar-pelajar kita dalam pertandingan kemahiran dan sukan juga perlu semestinya tidak dilupakan. Kejayaan dalam Pertandingan *World Skills Malaysia* Belia pada Oktober 2015 melalui saudari Ma'rufah Jailan, kategori Teknologi Fesyen dari Politeknik Ibrahim Sultan dan saudara Aiman Syamil Azmi dalam kategori Perkhidmatan Restoran dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang memperolehi pingat emas dan pingat perak perlu kita raikan. Mereka juga terpilih untuk mewakili negara dalam Pertandingan *World Skills ASEAN* 2016, yang akan berlangsung di Kuala Lumpur September tahun ini.

15. Alhamdulillah, dalam usaha melahirkan graduan usahawan, pada tahun 2015 kita berjaya melahirkan 341 orang graduan usahawan daripada sasaran asal 325 orang. Beberapa program keusahawanan yang berimpak tinggi seperti Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik, *Polytechnic Entrepreneurship Awards*, *Empowering Entrepreneurship Convention*, *The Biggest Entrepreneurship Race* Kedah dan Gerak Usahawan Kampus yang telah kita laksanakan di Politeknik Ungku Omar, Politeknik Kota Bharu, Politeknik Kuching Sarawak, Politeknik Port Dickson, Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

16. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Politeknik Melaka yang menjadi Johan bagi kategori Projek Keusahawanan Terbaik dalam anugerah *Malaysia Entrepreneurship Award* (MEA) 2015 melalui projek *What Say You* dan Naib Johan diperolehi Politeknik Merlimau Melaka melalui projek Satu Jabatan Satu Inkubator (SJSI).

17. Seterusnya, kejayaan Politeknik Merlimau Melaka di atas penganugerahan Institusi TVET terbaik eUsahawan 2015 daripada *Multimedia Development Corporation* (MDEC) akan menjadi pembakar semangat kepada politeknik-politeknik lain pada tahun 2016. Turut dibanggakan lagi dalam Anugerah MDEC Daya eUsahawan Kebangsaan 2015, dua pelajar kita turut menerima Anugerah Inovasi Produk eUsahawan dan Anugerah Pelajar Cemerlang eUsahawan 2015.

18. Akhir sekali, tidak lengkap sekiranya saya tidak berkongsi pencapaian pelajar kita dalam sukan, antaranya :

- 9 Emas dan 1 Perak dalam Kejohanan Taekwondo KPT 2015 yang melayakkan Pasukan Taekwondo Politeknik Malaysia menjadi juara keseluruhan;
- 3 Emas, 9 Perak dan 8 Gangsa yang diraih Kontinjen Politeknik Malaysia dalam kejohanan Sukan IPT dan secara keseluruhannya menduduki tempat ke-4.
- penyertaan dua atlet hoki Politeknik Malaysia iaitu Mohd Ashran Hamsani dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Muhammad Ridzwan bin Azmi dari Politeknik Ibrahim Sultan yang membantu pasukan Malaysia meraih pingat EMAS dalam Sukan SEA 2015 ke-28 di Singapura. Tidak lupa juga kepada 5 pelajar kita yang lain kerana turut menyumbang bakti dalam Sukan SEA tersebut bagi sukan softball (3 orang) dan mendayung (seorang) dan olahraga (seorang).
- 4 Emas, 2 Perak dan 2 Gangsa yang dirangkul oleh pasukan Silat Politeknik dalam kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala TPM 2015. Politeknik Ungku Omar yang mewakili politeknik dinobatkan sebagai juara keseluruhan kategori IPT.

Sesungguhnya semua usaha ini adalah selari dengan hasrat Lonjakan 1 dalam PPPM (PT) iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

(Politeknik dalam PPPM(PT))

19. Semua sedia maklum bahawa tahun ini, bermulanya PPPM(PT) dalam fasa kedua. Politeknik yang menerajui “Lonjakan Empat : Graduan TVET Berkualiti” sudah mula mengorak langkah melalui empat strategi dan empat petunjuk prestasi utama atau KPI.

20. Rata-rata empat prinsip yang menjadi panduan dalam lonjakan ini adalah berkaitan dengan program, industri, bajet dan pendanaan.

21. Oleh yang demikian, tanggungjawab kita sebagai warga politeknik adalah untuk melaksanakan segala aktiviti yang diamanahkan secara efisien dan efektif. Ini termasuk meningkatkan libat sama (*engagement*) industri dalam pelaksanaan program pengajian kita. Malahan kaitan dengan pihak industri merupakan perkara utama yang dititikberatkan dalam hala tuju baharu politeknik. Tiga daripada empat *Key Success Indicator* atau KSI politeknik melibatkan industri secara langsung.

22. Selain itu, dalam Audit Keberkesanan Pelaksanaan Program TVET yang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri setiap tahun juga, meletakkan aktiviti kolaborasi industri sebagai keutamaan. Tahukah tuan-tuan dan puan-puan bahawa tiga daripada lapan pengukuran prestasi audit tersebut mempunyai kaitan aktiviti bersama industri?

23. Jelas bahawa libat sama industri di politeknik menentukan hala tuju kita. Kita mesti sedar bahawa kewujudan politeknik itu sendiri adalah untuk industri.

Rancangan Malaysia Kesebelas mengunjurkan 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang diwujudkan di industri adalah dalam sektor TVET.

24. Politeknik menyumbangkan antara 30,000 hingga 40,000 lulusan setiap tahun atau 200,000 lulusan sehingga tahun 2020.

25. Sehubungan itu, saya menyeru semua warga meningkatkan usaha bagi memastikan kerjasama dan usaha sama dengan pihak industri dilaksanakan secara produktif untuk mencapai hasrat wawasan 2020.

(Bajet 2016 dan Langkah Pengoptimuman Sumber)

26. Prinsip Kedua Lonjakan Keempat PPPM(PT) memberi penekanan dalam aspek bajet dan pendanaan. Dalam Bajet 2016, selari dengan pengurangan 15 peratus peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Politeknik menerima pengurangan bajet mengurus hanya 0.2 peratus sahaja iaitu sebanyak 841.7 juta Ringgit iaitu paling sedikit jika dibandingkan dengan bajet di Bahagian-Bahagian dan Jabatan-Jabatan lain dalam Kementerian Pendidikan Tinggi. Tambahan pula hari ini akan diumumkan bajet yang dikalibrasi semula. Kita menjangka beberapa waran sekatan akan dikeluarkan. Oleh yang demikian, untuk mendepani cabaran pengurangan bajet pada tahun ini, langkah-langkah peningkatan kecekapan dan pengoptimuman sumber perlu diambil perhatian oleh semua warga.

27. Sebagai contoh, sudah beberapa tahun kita telah mula melaksanakan inisiatif *Energy Performance Contract* (EPC) yang memanfaatkan Politeknik Merlimau Melaka. Penjimatan tenaga yang dicapai Politeknik Merlimau Melaka telah melebihi 15 peratus. Kini kita sedang meluaskan pelaksanaan EPC kepada tujuh politeknik lagi iaitu di Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Port Dickson, Politeknik Sultan

Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Seberang Perai, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Sultan Azlan Shah.

28. Pada peringkat pentadbiran, mulai tahun ini langkah penjimatan kita akan menjurus kepada pengoptimuman sumber, tidak kira sumber tersebut berbentuk kewangan atau aset. Seperti tahun lepas, kita akan mengekalkan langkah-langkah penjimatan, antaranya memastikan pergerakan warga kita dilakukan secara minimum melalui *tele-conferencing*, pelaksanaan aktiviti mengikut zon; atau pelaksanaan acara dalam tema yang sama diselaraskan secara bersekali pada peringkat kebangsaan. Ini seiring dengan saranan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam mesyuarat khas pada 28 Disember 2015 lalu, yang menyarankan langkah pengoptimuman sumber termasuk melaksanakan penjimatan, diversifikasi penjana pendapatan, perkongsian fasiliti dan memanfaatkan Tabung Kumpulan Wang Amanah secara fleksibel dengan mengekalkan pengurusan integriti dan ketelusan. Antara tindakan yang boleh dilaksanakan ialah melihat kembali keperluan latihan mandatori 7 hari, mengelak mengadakan lawatan rasmi ke luar negara kecuali jika perlu sahaja, membeli tiket udara secara atas talian, mengelakkan pengubahsuaian pejabat dan menurunkan kuasa secara efektif bagi mengurangkan kos pergerakan.

29. Langkah-langkah di atas memberi satu petanda yang jelas supaya kita melihat kembali cara kita bekerja dan berbelanja. Masa untuk melaksanakan aktiviti “*nice to have*” dan “*good to have*” sudahpun berlalu. Kita perlu fokus kepada kerja “*must have*” yang memerlukan perhatian yang mendesak. Saya telah meminta kerjasama Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi memastikan

penyusunan aktiviti yang melibatkan bilangan warga yang besar dapat dilaksanakan secara optimum.

30. Walaupun Bajet 2016 menunjukkan penurunan di Kementerian Pendidikan Tinggi, secara keseluruhan 545 institusi TVET seluruh negara termasuk politeknik, telah diperuntukkan 4.8 billion Ringgit untuk melaksanakan latihan kepada 330,000 orang pada tahun 2016. Dalam hal ini, Politeknik akan berkongsi 585 juta Ringgit untuk pembelian peralatan bersama-sama dengan institusi TVET yang lain.

31. Selain itu, dalam Bajet ini juga kita masih berpeluang untuk menjalankan aktiviti *demand driven innovation* dalam program *Public-Private Research Network* (PPRN), program kebolehpasaran dan aktiviti *reskilling and upskilling* pekerja industri melalui Skim Latihan 1Malaysia dan aktiviti program Peneraju Profesional yang diperuntukkan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

(Badan Berkanun Politeknik Malaysia)

32. Seperti yang diketahui, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengusulkan kepada Kerajaan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk merealisasikan Politeknik sebagai Badan Berkanun. Malahan usaha ini terkandung dalam Lonjakan Keempat dan Lonjakan Keenam PPPM(PT). Jawatankuasa-jawatankuasa kerja dan teknikal yang ditubuhkan bertujuan mengurus perubahan yang akan berlaku, sedang bergerak menelusuri proses yang kompleks serta melibatkan pelbagai pihak.

33. Tiga rasional utama menjadi asas untuk pemerbadanan politeknik. Pertama, mengukuhkan tadbir urus Politeknik melalui suatu akta khusus untuk politeknik, Kedua meningkatkan keupayaan politeknik menjana pendapatan dan seterusnya

mengurangkan kebergantungan kepada sumber kewangan kerajaan, dan Ketiga, memperkasakan kerjasama politeknik dengan industri.

34. Pihak Yang Berhormat Menteri telah mengambil maklum akan usaha ini, dan kini kita sedang memuktamadkan draf Rang Undang-Undang Politeknik Malaysia, menyediakan model pembiayaan yang bersesuaian untuk dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan memberi cadangan opsiyen perkhidmatan untuk dibawa berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita juga telah bersedia dengan menyenaraikan semua aset yang boleh dialihkan pemilikannya kepada entiti badan berkanun kelak.

35. Sebagai badan berkanun, politeknik mempunyai banyak kelebihan berbanding kedudukan kita sekarang. Daripada segi organisasi, kita akan beroperasi dengan tadbir urus autonomi terarah seiring dengan agenda arus perdana TVET negara. Ini bermakna politeknik kekal memegang misi TVET iaitu memastikan peluang individu untuk membina kerjaya masing-masing terjamin dan, dalam masa yang sama, menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui ekosistem industri yang kompetitif.

36. Seperti universiti yang merupakan organisasi berkanun, kita berupaya mengurus kewangan dengan lebih berkesan dan cekap kerana keputusan eksekutif akan ditentukan sendiri oleh politeknik melalui sebuah lembaga pengarah yang akan ditubuhkan. Lembaga Pengarah Politeknik juga boleh menentukan kaedah-kaedah skim perkhidmatan bagi warga seperti melantik kakitangan, penentuan kadar bonus dan mengawal selia syarat perkhidmatan kakitangan termasuk skim perkhidmatan, kenaikan pangkat dan sebagainya.

37. Dengan kuasa yang diberi, politeknik boleh menjalankan aktiviti penyelidikan sama ada bersifat komersial mahupun sebagai sumbangan tanggungjawab sosial

bagi memajukan organisasi dan masyarakat. Kita juga boleh menyertai perusahaan atau menjalankan aktiviti bersifat perkongsian dan usaha sama yang boleh mendatangkan keuntungan kewangan, sekali gus, menjadi sumber pendanaan tambahan kepada politeknik dan warganya.

38. Pendek kata, apa jua manfaat universiti awam boleh perolehi, kini dalam jangkauan warga politeknik untuk memilikinya. Ini merupakan suatu *proposition* atau penawaran yang sukar untuk warga politeknik nafikan.

39. Selain itu, proses memuktamadkan kolaborasi dengan mana-mana pihak luar terutamanya pihak industri dan pihak di luar negara akan menjadi lebih lancar. Ini kerana autonomi terarah boleh diperoleh tanpa melalui birokrasi perkhidmatan awam yang ketat. Pendekatan ini akan membolehkan politeknik lebih berdaya maju dan pesat membangun serta dapat meningkatkan lagi keupayaannya dalam acuan politeknik yang tersendiri. Dengan keupayaan ini, aktiviti-aktiviti kolaborasi bersama pihak industri menjadi lebih lancar.

40. Tidak hairanlah institusi TVET yang berjaya di luar negara seperti Nanyang Politeknik Singapura dan Politeknik Manufaktur Bandung Indonesia mampu mengembeling potensi mereka untuk menghasilkan graduan berkualiti dengan hampir 100 peratus bekerja daripada pelaksanaan kerjasama dan usaha sama dengan industri dan institusi luar negara.

41. Tahun ini, kita akan memuktamadkan pungutan suara terhadap usaha pemerbadanan politeknik di kalangan warga politeknik. Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan bersama saya dalam menyokong usaha Kerajaan untuk menjadikan politeknik sebagai badan berkanun. Manfaatnya jauh mengatasi kekurangannya. Kakitangan yang muda boleh menaruh harapan kepada suatu masa hadapan yang

cerah, kakitangan yang lama boleh merasa tenang bahawa organisasi yang mereka tinggalkan akan terus cemerlang dan berbakti kepada anak bangsa dan negara.

(Penambahan Akses Ke Politeknik)

42. Selari dengan hasrat RMKe-11 dan PPPM(PT), jumlah enrolmen dalam TVET perlu dipertingkatkan. Kini, 34 politeknik seluruh negara mempunyai enrolmen sejumlah 96,069 pelajar. Ini merupakan penambahan hampir 4,000 pelajar berbanding enrolmen pada tahun sebelumnya. Terkini, Politeknik Besut Terengganu telah membuat pengambilan sulungnya seramai 21 orang di premis sementara di Politeknik Kota Bharu.

43. Pada tahun 2016, Politeknik merancang mempertingkatkan pengambilan pelajar dengan penubuhan beberapa buah politeknik baharu seperti di Bagan Datoh, Seri Menanti dan Tawau. Selain itu, kampus baharu Politeknik Tun Syed Nasir di Pagoh akan dapat didiami pada penghujung tahun ini. Kampus ini menyediakan peluang pengajian kepada 3,600 pelajar melalui 6 program pengajian.

44. Secara umumnya, Politeknik menyasarkan enrolmen melebihi 100,000 sebelum tahun 2020 bagi memberi peluang lebih ramai lepasan SPM mengikuti TVET untuk menyokong agenda modal insan negara.

45. Seiring dengan penambahan enrolmen ini, kompleks asrama baharu di tujuh politeknik yang dibina secara *private finance initiative* akan diserahkan secara berperingkat mulai bulan April tahun ini. Sejumlah 10,000 pelajar akan mendapat manfaat daripada penyempurnaan kemudahan ini.

(Mengukuhkan Pelaksanaan e-Pembelajaran)

46. Selain daripada ruang pembelajaran secara fizikal, kita juga merancang untuk menambah akses ke politeknik melalui peningkatan keupayaan sistem e-Pembelajaran Politeknik. Seperti yang disebutkan dalam Lonjakan ke-9 PPPM(PT), penggunaan ICT sebagai *medium* pembelajaran telah terbukti meningkatkan keefisienan Pengajaran dan Pembelajaran melalui pembelajaran teradun atau *blended learning* dan *Massive Open On-Line Courses* atau MOOC. Dalam *blended learning*, penggunaan aplikasi CIDOS sehingga 60 peratus pada tahun 2015 merupakan perkembangan positif. Ia menunjukkan bahawa tenaga pengajar kita sudah berupaya menguasai teknologi pengajaran yang efisien. Selain itu, penyediaan modul *English for TVET: Product Description* merupakan inisiatif MOOC yang pertama oleh politeknik telah berjaya dibangunkan dan diuji pakai pada tahun lepas di Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Buat masa ini, modul ini telah digunakan di 15 politeknik menggunakan *platform openlearning.com*. Dalam masa yang sama, *platform* MOOC Politeknik Malaysia akan dilancarkan pada tahun ini dan akan digunakan oleh semua politeknik.

47. Kesan pelaksanaan MOOC di politeknik seiring dengan pendidikan fleksibel yang disarankan Yang Berhormat Menteri dan akan membudayakan pembelajaran secara atas talian dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar, lebih-lebih lagi untuk mencapai objektif pendidikan abad ke-21.

48. Apa yang membanggakan kita, pelaksanaan *TVET eConvergence* iaitu satu wadah digital bagi perkongsian idea serta amalan kerja; dan pelaksanaan malam *eDola* iaitu acara penghargaan kepada warga kita yang cemerlang dalam amalan e-Pembelajaran, telah menarik perhatian wakil *Online Conference Educa Berlin 2015* dan pihak *UNESCO-UNEVOC*. Tahukah tuan-tuan dan puan-puan, mereka kini

sedang membuat penilaian agar ianya diterima sebagai amalan baik “*Best Practices – ICT in TVET*”? Sekiranya diterima, bahan *TVET e-Convergence* Politeknik akan dimuatkan dalam *Digital Network UNESCO-UNEVOC* dan membolehkan bahan e-Pembelajaran kita diakses ke seluruh dunia di bawah payung *UNESCO-UNEVOC*. Ini merupakan selangkah lagi politeknik ke arah merealisasikan keunggulan global melalui pembelajaran atas talian.

(Inisiatif Hijau di Politeknik)

49. Saya yakin konsep “Penghijauan dalam TVET” yang kita anjurkan dalam inisiatif *PolyGreen* sejak beberapa tahun lalu, telah sedikit sebanyak memberi perspektif sihat kepada warga kita ke arah membantu menangani fenomena perubahan iklim yang kian meruncing, demi kelangsungan pembangunan lestari.

50. Antara sepuluh bidang tumpuan *PolyGreen Blueprint* ialah Perolehan Hijau Kerajaan atau *Government Green Procurement* (GGP). Justeru, pemilihan produk dan perkhidmatan perlu berdasarkan kriteria GGP seperti piawaian produk (MyHIJAU Mark), kesediaan pembekal tempatan, impak alam sekitar dan pertimbangan belanjawan akan dijadikan amalan. Oleh itu, kita mengharapkan setiap politeknik dapat membuat pembelian produk-produk dan perkhidmatan hijau seperti yang disarankan mulai tahun ini.

(Pengantarabangsaan)

51. Dalam tahun ini, kita akan meneruskan usaha memartabatkan politeknik ke tahap lebih tinggi iaitu di peringkat antarabangsa. Seperti yang diumumkan oleh YB

Menteri baru-baru ini Politeknik akan membuat pengambilan pelajar luar negara pada tahun ini.

52. Selain itu, dalam tahun ini juga, kita merancang untuk menambah lima lagi program pengajian iaitu Diploma Kejuruteraan Perkapalan, Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), Diploma Kejuruteraan Elektronik (Perubatan), Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan), untuk didaftar dalam *International Qualification Database* (IQDB) yang dibangunkan oleh *Canadian Council of Technicians and Technologists* bagi penilaian oleh pihak *Canadian Technology Accreditation Board*.

53. Dalam masa yang sama, kita menaruh harapan kepada empat lagi politeknik iaitu Politeknik Port Dickson, Politeknik Merlimau Melaka, Politeknik Muadzam Shah dan Politeknik Melaka untuk mengulangi pencapaian politeknik-politeknik sebelum ini yang telah mendapat anugerah Emas dalam penilaian institusi yang dilaksanakan oleh *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC). Syabas kita ucapkan kepada politeknik-politeknik berkenaan kerana menyahut cabaran untuk dinilai oleh pihak APACC.

(Penguasaan Bahasa Inggeris Pelajar Politeknik)

54. Selari dengan usaha pengantarabangsaan politeknik, satu aspek penting yang kita perlu diambil perhatian adalah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Kedatangan pelajar dari luar negara juga bererti sebahagian daripada Pengajaran dan Pembelajaran akan dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris. Sejak beberapa tahun lepas, pihak Kementerian telah memberi peruntukkan yang besar bagi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan pensyarah.

55. Pada tahun ini, pihak Kementerian telah meletakkan sasaran 10 peratus pelajar politeknik mencapai band 4 dalam peperiksaan *Malaysia University English Test* atau MUET sebagai usaha memastikan graduan politeknik mempunyai kelebihan dalam pekerjaan dan juga sebagai persediaan sekiranya mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Dua aktiviti utama yang akan dilaksanakan pada tahun ini ialah *English Enhancement Programme* dan *English Language Carnival 2016*. Tambahan pula kaedah *gamification*, *interactive social media* dan penggunaan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran akan memperkasakan lagi penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris.

(Penutup)

56. Seperti yang saya katakan pada permulaan ucapan ini, tahun 2016 merupakan detik permulaan dalam fasa pengukuhan TVET dalam lanskap pendidikan tinggi negara. Saya yakin beberapa perubahan besar akan berlaku dalam sistem politeknik, sama ada daripada aspek pembiayaan, tadbir urus dan program pengajian. Justeru semua pihak terutamanya barisan kepimpinan yang baharu perlu meningkatkan usaha dan tahap kesiagaan masing-masing bagi menghadapi perubahan yang berlaku.

57. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua; pelajar, pensyarah dan kakitangan dari politeknik seluruh negara kerana bangun menyahut cabaran, mengatasi kepentingan diri demi memenuhi keperluan masyarakat sama ada pelajar, ibu bapa mahupun industri.

58. Sebelum saya mengakhiri amanat pada pagi yang dirahmati ini, sekali lagi, terima kasih kita ucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya daripada

Politeknik Merlimau Melaka kerana menjadi tuan rumah pada kali ini. Majlis kita pada hari ini, memberi peluang terbaik bagi kita ingat-mengingati kembali misi kita, iaitu Agenda Transformasi Politeknik yang berpayungkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), kekal sebagai hala tuju penting dalam gerak langkah kita. Justeru, jadikanlah tahun 2016 sebagai pentas untuk kita terus bertekad dan berganding bahu memperkasakan politeknik sebagai institusi inovatif, kreatif dan responsif akan menjadi realiti. In syaa Allah.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik Walhidayah

Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh